

# 25 Februari pengurusan kes peniaga mengaku tidak bersalah rogol adik ipar

**MIRI:** Mahkamah Sesyen semalam menetapkan 25 Februari depan untuk pengurusan kes seorang peniaga yang mengaku tidak bersalah atas tuduhan merogol adik iparnya, bulan lepas.

Manakala tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan lanjut RM9,000 berserta dua penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu

dibuat Hakim Azreena Aziz setelah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing yang memohon ditetapkan tarikh baharu untuk pengurusan kes memandangkan tertuduh telah mengaku tidak bersalah serta minta dibicarakan lanjut.

Tertuduh, 36, dari Bekenu telah didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksan yang

memperuntukkan hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa merogol seorang wanita berusia 27 tahun yang juga merupakan adik iparnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu antara jam 2 pagi dan 3 pagi, 26 Disember lalu di sebuah lot di Jalan Tasik, Vista Perdana, Bandar Baru Permyjaya di sini.